

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6503

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kebanjiran pelajar asing dalam negara yang terlibat dengan jenayah semakin berleluasa ini sehingga dikatakan negara kita mudah dibolosi oleh pihak luar dan bagaimanakah kementerian memantau isu-isu pelajar asing termasuk mengawal dan membendung penyalahgunaan pas pelajar di kalangan mereka dan berapakah statistik jumlah kes jenayah yang melibatkan pelajar asing sepanjang tahun 2010 hingga 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, adalah kurang tepat menyatakan berlakunya kebanjiran pelajar antarabangsa di negara ini. Kemasukan mereka adalah berpandukan tawaran belajar dan juga kemampuan institusi pendidikan swasta untuk mengendalikan pelajar antarabangsa. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pemegang pas pelajar yang aktif pada 31 Disember 2013 ialah seramai 117,833 orang.

Tidak dinafikan terdapat pelajar asing yang telah melanggar Akta/Peraturan Imigresen serta terlibat di dalam aktiviti negatif dan jenayah. Walau bagaimanapun, jumlahnya adalah kecil.

Kes-kes utama yang sering dilaporkan ialah di bawah Seksyen 15(4) Akta Imigresen iaitu kesalahan tinggal lebih masa dan Peraturan 39(b) bagi kesalahan salahguna pas. Manakala kes-kes jenayah yang dilaporkan ialah yang berkaitan dengan jenayah kekerasan, hartabenda dan penyalahgunaan dadah. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013, sebanyak 5217 kes tinggal lebih masa dan sebanyak 57 kes salahguna pas telah dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Untuk tempoh yang sama juga, pihak Polis Diraja Malaysia merekodkan sebanyak 40 kes di bawah kategori Jenayah Kekerasan, 31 kes di bawah kategori Jenayah Harta Benda, 505 kes di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB 1952), Akta Racun 1952 dan APD (R&P) 1983 dan 1403 kes Jenayah Komersil.

Berdasarkan jumlah kesalahan berbanding dengan jumlah pelajar dapat dilihat bahawa peratusannya adalah kecil. Bagaimanapun, KDN bersama-sama lain-lain agensi yang berkaitan tetap memandang serius dan secara berterusan bekerjasama untuk memastikan bahawa institusi pendidikan dan mereka yang diberikan kemudahan pas pelajar mematuhi undang-undang negara.

Koordinasi yang baik di antara KDN dan agensi kawal selia yang berkaitan adalah amat penting. Salah satu mekanisme untuk memantau pelajar antarabangsa ialah melalui satu Kumpulan Kerja Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa (KKPPPA). Ia diterajui KDN dan dianggotai Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Kumpulan kerja ini memainkan peranan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pelajar antarabangsa termasuk mengkaji semula prosedur pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa.

Antara langkah yang dipersetujui adalah untuk menggunapakai Garis Panduan Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa yang seragam di antara pelbagai agensi yang berkaitan. KDN pula telah memperketatkan syarat kemasukan dengan mewajibkan permohonan Pas Pelajar dibuat semasa pelajar antarabangsa berada di luar negara berkuatkuasa dari 1 Januari 2014. Pelajar-pelajar ini hanya dibenarkan masuk setelah mendapat kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia.

Selain itu, banyak lagi usaha telah dipersetujui dan sedang dilaksanakan seperti :-

- 1. Memberhentikan pendaftaran institusi pendidikan swasta yang baru;**
- 2. Memeriksa dan menilai semula kelayakan sesuatu institusi pendidikan swasta untuk mengambil pelajar antarabangsa;**
- 3. Mengawal pemberian pas pelajar kepada pelajar dari negara yang bermasalah; dan**
- 4. Memperketatkan syarat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dengan mengenakan deposit atau bon jaminan.**

Sukacita dimaklumkan bahawa sehingga kini, langkah-langkah tersebut telah menampakkan hasil. Tahap ketulenan permohonan pelajar baru dapat ditingkatkan dengan kejayaan mengesan penggunaan dokumen sokongan palsu melalui perkongsian maklumat antara agensi kawal selia terbabit. Selain itu, pelajar antarabangsa yang terlibat dengan masalah dadah atau kesihatan juga berjaya dikesan melalui pemeriksaan kesihatan yang diwajibkan sebagai syarat pembaharuan Pas Pelajar.